



**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

**TEKS KHUTBAH**

**Tajuk :**

**“PERSEDIAAN DAN PERLINDUNGAN”**

**Tarikh Dibaca :**

**24 SAFAR 1443H/  
1 OKTOBER 2021M**

**Disediakan oleh :**

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**

**PERSEDIAAN DAN PERLINDUNGAN****24 SAFAR 1443H / 1 OKTOBER 2021**

الحمد لله القائل:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ﴿ وَيَخْشَ الَّذِينَ لَوْ تَرَكَوْا مِنْ خَلْفِهِمْ ذُرِّيَّةً ضِعَافًا خَافُوا

عَلَيْهِمْ فَلْيَتَّقُوا اللَّهَ وَلْيَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا ﴿١﴾ النساء: ٩

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ

صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Khatib ingin mengingatkan diri sendiri dan menyeru sidang jemaah sekalian untuk sama-sama kita mengukuhkan keimanan dan meningkatkan ketakwaan dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang berjaya dan beruntung di dunia dan di akhirat. Pada hari ini, bersempena ulangtahun ke-50 penubuhan Pertubuhan Keselamatan Sosial (**PERKESO**), khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: **“Persediaan dan Perlindungan”**.

Khatib juga ingin mengingatkan untuk kita terus berdisiplin mematuhi garis panduan dan SOP pencegahan penularan wabak Covid-19. Jagalah kesihatan dan keselamatan diri

dan keluarga. Kelonggaran yang telah diberikan bukan bermaksud kita sudah bebas dari wabak. Ingatlah bahawa kita masih lagi berjuang untuk mengeluarkan negara dari kemelut pandemik Covid-19 dengan selamat. Sehingga 29 September 2021\*, populasi dewasa yang sudah divaksinasi di negara sudah mencecah 85.1%. Bagi yang belum mendaftar, segeralah mendaftar untuk mendapatkan suntikan vaksin supaya kita semua dapat keluar dari kemelut pandemik Covid-19 dengan selamat. Khatib juga ingin menyeru kepada seluruh umat Islam, marilah sama-sama kita mengimarahkan masjid pada setiap waktu. Mudah-mudahan dengan imarahnya masjid, Allah SWT akan melimpahkan rahmat, petunjuk dan keberkatan-Nya kepada kita semua. Firman Allah SWT:

﴿ إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مَنِ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى

الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَن يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴿١٨﴾

**Maksudnya:** “Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk”.

#### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,**

Allah SWT memerintahkan manusia untuk mempersiapkan generasi seterusnya dengan segala bentuk kecukupan sama ada dari segi akidah, syariah, akhlak, pendidikan, juga dari segi ekonomi. Persediaan yang dilakukan ini perlu bagi mengingatkan kita sebagai manusia agar tidak meninggalkan legasi ini kepada pewaris yang lemah dan tidak kompeten. Kekuatan dan kelemahan sesebuah generasi tidak lepas dari tanggungjawab generasi sebelumnya mempersiapkan generasi yang kukuh dan stabil dari segenap aspek keperluan hidup. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Nisaa' ayat 9:

﴿ وَلِيَخْشَ الَّذِينَ لَوْ تَرَكَوْا مِنْ خَلْفِهِمْ ذُرِّيَّةً ضِعَفًا خَافُوا عَلَيْهِمْ فَلْيَتَّقُوا اللَّهَ وَلْيَقُولُوا ﴾

قَوْلًا سَدِيدًا ﴿٩﴾

**Maksudnya:** “Dan hendaklah takut (kepada Allah daripada melakukan aniaya kepada anak-anak yatim oleh) orang-orang (yang menjadi penjaganya), yang jika ditakdirkan mereka pula meninggalkan anak-anak yang dhaif (yatim) di belakang mereka, (tentulah) mereka akan berasa bimbang terhadap (masa depan dan keselamatan) anak-anak mereka; oleh itu hendaklah mereka bertakwa kepada Allah, dan hendaklah mereka mengatakan perkataan yang betul (menepati kebenaran)”.

Selain itu, Rasulullah SAW juga mengingatkan kepada kita untuk mempersiapkan dan meninggalkan sebahagian harta yang dimiliki kepada generasi atau pewaris sebagaimana diceritakan dalam sebuah hadis. Daripada Sa’ad Ibn Waqqas RA, beliau berkata:

عَادَنِي رَسُولُ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- فِي حِجَّةِ الْوُدَاعِ مِنْ وَجَعِ أَشْفَيْتُ مِنْهُ عَلَيَّ  
 الْمَوْتِ فَقُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ بَلِّغْنِي مَا تَرَى مِنَ الْوَجَعِ وَأَنَا ذُو مَالٍ وَلَا يَرِيْنِي إِلَّا ابْنَةٌ  
 لِي وَاحِدَةٌ أَفَأَتَصَدَّقُ بِثَلْثِي مَالِي قَالَ « لَا ». قَالَ قُلْتُ أَفَأَتَصَدَّقُ بِشَطْرِهِ قَالَ : لَا  
 الثَّلْثُ وَالثَّلْثُ كَثِيرٌ إِنَّكَ أَنْ تَذَرَ وَرَثَتَكَ أَغْنِيَاءَ خَيْرٌ مِنْ أَنْ تَذَرَهُمْ عَالَةً يَتَكَفَّفُونَ  
 النَّاسَ وَلَسْتَ تَنْفِقُ نَفَقَةً تَبْتَغِي بِهَا وَجْهَ اللَّهِ إِلَّا أُجِرْتَ بِهَا حَتَّى اللَّقْمَةُ تَجْعَلُهَا فِي فِي  
 امْرَأَتِكَ

**Maksudnya:** “Rasulullah SAW pernah menziarahiku ketika sakit pada masa Hajjatul Wada’ yang aku rasa membawa kematian. Lantas aku bertanya, “Wahai Rasulullah! Telah kamu melihat keadaanku yang sakit sedangkan aku mempunyai harta dan tidak ada yang

*mewarisiku kecuali anak perempuanku satu-satunya. Bolehkah aku bersedekah dengan dua pertiga hartaku? Baginda menjawab: "Jangan." Aku bertanya: Apakah aku menyedekahkan separuh daripadanya? Baginda menjawab: "Jangan." Aku bertanya lagi: Apakah aku sedekahkan sepertiganya? Baginda menjawab: "Ya, sepertiga, dan sepertiga itu banyak. Sesungguhnya engkau meninggalkan ahli warismu dalam keadaan kaya lebih baik daripada engkau meninggalkan mereka dalam keadaan faqir meminta-minta kepada orang ramai. Dan tidaklah kamu sedekah semata-mata mencari keredhaan Allah kecuali kamu diberi pahala dengannya sekalipun kamu memberi satu suapan kepada mulut isterimu juga dikira pahala". (Hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Imam Muslim)*

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Aturan kehidupan atas dunia ini berjalan atas kehendak dan takdir Allah SWT jua. Namun, kita sebagai manusia perlu merancang dengan rapi persediaan bagi menjalani kehidupan ini. Kadangkala, perkara yang kita rancang dan jangka itu juga tidak berlaku kerana Allah SWT jua lebih mengetahui dan berkehendak menentukan sesuatu perkara itu berlaku. Sebagaimana yang kita semua sedang hadapi ketika ini, ujian wabak, kemiskinan, dan kematian merupakan antara perkara yang tidak dapat diduga oleh akal manusia. Kesan pandemik yang melanda negara kita khususnya dan seluruh dunia amnya memberi impak yang sangat besar dalam seluruh aspek kehidupan manusia. Ungkapan melayu ada menyebut "malang tidak berbau" dan "sediakan payung sebelum hujan" bagi mengingatkan supaya sentiasa bersedia dengan sebarang kemungkinan.

Pandemik yang melanda negara kita ini juga menyaksikan pelbagai Kementerian dan agensi Kerajaan dipertanggungjawabkan membantu rakyat Malaysia yang terjejas, susulan penutupan sektor-sektor ekonomi ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan. Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) juga tidak terkecuali memainkan peranannya. Bermula daripada Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 yang diperkenalkan pada 16 Mac tahun lalu, Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi atau PEMULIH, PERKESO telah diberikan tanggungjawab yang cukup besar untuk membantu rakyat yang terkesan menerusi jaminan keselamatan sosial kepada mereka, khususnya berkaitan pengangguran, kehilangan pekerjaan, arahan cuti tanpa gaji, dan juga perlindungan kepada mereka yang bekerja sendiri

SPS Lindung merupakan salah satu program khas yang diperkenalkan oleh Kerajaan sewaktu pembentangan Belanjawan 2021. Dengan peruntukan sebanyak RM 24 juta, program ini antara lain menyasarkan pegawai-pegawai masjid di bawah kelolaan **Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN)** seperti **Guru Takmir, Imam, Bilal, dan Siak atau Noja**, manakala **JAKIM** bertindak sebagai penyelaras di peringkat Persekutuan. Setakat ini, seramai **27,638 pegawai masjid** telah didaftarkan di bawah program SPS Lindung.

Justeru, khatib ingin mengambil kesempatan ini mengajak sidang jemaah sekalian untuk terus memberikan kepercayaan dan kerjasama dengan menunaikan tanggungjawab mencarum dengan PERKESO. Hal ini akan membolehkan PERKESO yang kini menyambut ulang tahun ke-50 penubuhannya untuk terus menyediakan perlindungan keselamatan sosialnya demi kesejahteraan semua rakyat Malaysia.

Sebagai rumusan khutbah hari ini, khatib ingin menekankan beberapa intipati penting sebagai panduan kita semua, iaitu;

**Pertama:** Konsep *masalah* yang sebenar ialah *masalah* di dunia dan akhirat dan *masalah* yang hakiki ialah yang membawa kepada terbinanya kehidupan bukan meruntuhkannya di samping memberi manfaat kepada pihak lain juga

**Kedua:** Kekuatan dan kestabilan generasi pelapis terletak di bawah tanggungjawab generasi sebelumnya yang berperanan mempersiapkan kecukupan keperluan hidup dari segi akidah, syariah, akhlak, sosial, pendidikan dan ekonomi.

**Ketiga:** Manusia juga dituntut untuk merancang dengan rapi persediaan dan perlindungan setiap ahli waris yang ditinggalkan agar mereka dapat hidup dengan selesa dan terhindar dari kefakiran.

Firman Allah SWT:

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ

خَيْرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾ وَلَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ نَسُوا اللَّهَ فَأَنسَاهُمْ أَنفُسَهُمْ أُولَٰئِكَ هُمُ

الْفَاسِقُونَ ﴿١٩﴾

**Maksudnya:** “Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya); dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang dia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari akhirat). Dan (sekali lagi diingatkan): Bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Amat Meliputi PengetahuanNya akan segala yang kamu kerjakan. Dan janganlah kamu menjadi seperti orang-orang yang telah melupakan (perintah-perintah) Allah, lalu Allah menjadikan mereka melupakan (amal-amal yang baik untuk menyelamatkan) diri mereka. Mereka itulah orang-orang yang fasiq - derhaka.” (Surah al-Hasyr ayat 18-19)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،

وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي

وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،

فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

أَحْمَدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةِ وَالسَّلَامِ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: ﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾  
 اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكْنَا كَبَاوَهُ دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اكَوْغْ، السُّلْطَانَ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَدُوكْ بَكِينِدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي اكَوْغْ، تُونُكُو حَاجِهِ عَزِيزُهُ أَمِينُهُ مِيمُونَةُ إِسْكَندَرِيهِ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانَ إِسْكَندَرِ الْحَاجِ.



وَكَمَا نَسَأَلُكَ اللَّهُمَّ دَوَامَ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ لِجَلَالَةِ نَائِبِ مَلِكِ مَالِيزِيَا  
 دُولِي يَغِ مَهَا مَوْلِيَا قُدُوكِ سِرِّي سُلْطَانِ نَزْرِينَ مُعَزُّ الدِّينِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ اَزْلَنِ  
 مُحِبِّ الدِّينِ شَاهِ الْمَغْفُورِ لَهُ وَكَذَلِكَ كِبَاوَهُ دُولِي يَغِ مَهَا مَوْلِيَا رَاجِ قُرْمَايسُورِي فَيْرَاقِ  
 تَوَانِكُو زَارَا سَلِيمِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُمْ وَوُزَرَآءَهُمْ وَقَضَاتَهُمْ وَعَمَّالَهُمْ وَرِعَايَاهُمْ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
 بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رِخَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،  
 وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصِرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،  
 وَأَخْذَلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا  
 وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.  
 اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُودُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ  
 الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu kepada-Mu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan selama ini. Engkau angkat dan hilangkanlah wabak penyakit Covid-19 yang sedang melanda kami agar dapat kami melaksanakan syiar-Mu dengan sempurna. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
عِبَادَ اللَّهِ،

﴿ إِنَّا نَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ

وَالْمُنْكَرِ وَابْتِغَىٰ لَكُمْ لِعَظْمِكُمْ تَذَكُّرًا ۗ ﴾ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.